



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

## AKTIVITI PENGANGKUTAN HAIWAN (UNGGAS)



DVS/KAKH/12/2019



# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENGANGKUTAN HAIWAN (UNGGAS)

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603-8888 8685  
E-mel : pro@dvs.gov.my

Edisi Pertama : 2019  
Edisi Kedua : 2020

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

## ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	2
6.0	TANGGUNGJAWAB PENGURUS LADANG UNGGAS	3
6.1	Pekerja	
6.2	Peralatan	
6.3	Keperluan Ruang	
6.4	Pengangkut	
6.5	Masa	
7.0	AMALAN SEBELUM PENGANGKUTAN	5
7.1	Masa Tangkapan Uggas	
7.2	Cara Tangkapan Uggas	
7.3	Persediaan Pengangkut	
7.4	Susunan Bakul, Sangkar dan Kotak di dalam Pengangkut	
8.0	AMALAN SEMASA PENGANGKUTAN	6
8.1	Tempoh dan masa perjalanan	
8.2	Kelajuan	
8.3	Kecemasan	
9.0	AMALAN SELEPAS PENGANGKUTAN	7
10.0	RUJUKAN	7
11.0	LAMPIRAN	8

## KATA PENGANTAR

### KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta ini, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) telah mengambil segala inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang merupakan suatu dokumen mengandungi piawaian dan garis panduan berkaitan kebajikan haiwan untuk menjadi rujukan kepada setiap pemilik lesen dalam memastikan kesejahteraan haiwan sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah menjadi harapan semoga KAKH ini dapat menjadi panduan dan sumber rujukan dalam semua aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Seksyen 15 Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja dan semua individu yang terlibat dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

**DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**  
**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**  
**Malaysia**

## **KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENGANGKUTAN HAIWAN (UNGGAS)**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Kebajikan haiwan hendaklah diutamakan setiap masa dalam menguruskan pengangkutan haiwan. Kebajikan dan kesejahteraan haiwan hendaklah diutamakan berdasarkan kepada lima keperluan haiwan meliputi semua aspek pengendalian serta pengurusan pengangkutan unggas.

Lima keperluan haiwan bagi haiwan yang dimiliki adalah seperti yang berikut:

- I. Keperluan kepada persekitaran yang sesuai;
- II. Keperluannya untuk diet yang sesuai;
- III. Keperluannya untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuannya yang semula jadi;
- IV. Keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- V. Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

### **2.0 OBJEKTIF**

Objektif utama KAKH ini dikeluarkan adalah seperti yang berikut:

- 2.1 Memastikan kebijakan unggas semasa dalam proses pengangkutan atau pemindahan terpelihara.
- 2.2 Memastikan pengangkutan bagi unggas mempunyai kemudahan asas yang bersesuaian.
- 2.3 Memastikan operasi pengangkutan unggas diurus secara selamat.
- 2.4 Memastikan unggas tidak dikurung dan dikekang dengan kejam semasa proses pengangkutan dan pemindahan.

### 3.0 SKOP

Kod Amalan Kebajikan Haiwan Pengangkutan Unggas ini menjelaskan kewajipan pemunya atau pengendali yang perlu dipatuhi dari segi keperluan kepada persekitaran yang sesuai dan keperluannya untuk diet yang sesuai sewaktu mengangkut unggas.

### 4.0 DEFINISI

4.1 Pengangkut

Apa-apa kenderaan atau apa-apa kaedah yang digunakan untuk mengangkut unggas.

4.2 Pemunya

Individu yang memiliki unggas.

4.3 Pengurus

Individu yang mengurus ladang unggas

4.4 Pengendali

Individu yang mengendalikan pengangkutan unggas.

4.5 Pekerja

Individu yang bekerja dengan mana-mana pengusaha pengangkutan atau ladang sama ada dibayar upah atau tidak oleh pengurus ataupun secara sukarela

4.6 Pengangkutan unggas

Proses membawa dan memindahkan unggas dari reban ke reban, tempat penetasan ke ladang, pintu masuk negara ke ladang, pergerakan dari satu negeri ke negeri yang lain.

4.7 Unggas

haiwan yang berkaki dua seperti ayam, itik, puyuh dan lain-lain

### 5.0 KATA SINGKATAN

5.1 AKP - Akuan Kebenaran Pindah

5.2 APTVM - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia

5.3 DVS - Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- 5.4 JPJ - Jabatan Pengangkutan Jalanraya
- 5.5 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan
- 5.6 SKV - Sijil Kesihatan Veterinar

## **6.0 TANGGUNGJAWAB PEMUNYA ATAU PENGURUS LADANG UNGGAS**

- 6.1 Pekerja
  - a. Pekerja yang terlibat dalam memindahkan dan mengangkut unggas mestilah diberi latihan asas supaya kompeten dalam menjalankan tugas dengan baik dan berperikemanusian. Pekerja ini mestilah dilatih cara-cara menangkap, mengekang unggas dengan sempurna agar tidak menyebabkan kecederaan dan mendatangkan stres kepada unggas
  - b. Pekerja hendaklah bertanggungjawab dan cekap menguruskan keselamatan unggas yang dipindah daripada reban kepada pengangkut.
  - c. Pekerja hendaklah memastikan jumlah pekerja yang mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti penangkapan dan pemindahan unggas dengan berkesan.
  - d. Pekerja perlu dimotivasikan oleh majikan dengan unsur-unsur kebijikan haiwan.
- 6.2 Peralatan
  - a. Bakul, sangkar atau kotak yang mempunyai pengudaraan yang baik untuk simpanan unggas
  - b. Bakul, sangkar atau kotak yang digunakan hendaklah selamat, berkeadaan baik dan tidak menyebabkan kecederaan kepada unggas.
  - c. Peralatan yang digunakan bersih dan telah dibasmi kuman sebelum digunakan.
  - d. Pengangkut haiwan digalakkan untuk menyediakan peti kecemasan seperti dalam Lampiran 1.

- e. Bakul, sangkar atau kotak yang disediakan hendaklah mempunyai ruangan yang berasingan mengikut kesesuaian saiz haiwan, umur dan jantina bagi mengelakkan kecederaan.

#### 6.3 Keperluan Ruang

- a. Ruang di dalam bakul, sangkar atau kotak unggas hendaklah mencukupi untuk bilangan unggas yang dimuatkan dan mempunyai pengudaraan yang baik agar tidak berlaku kesesakan dan stress. Keperluan keluasan lantai ruang bakul, sangkar atau kotak unggas berdasarkan kelas unggas seperti dalam Lampiran 2
- b. Ruang di dalam pengangkut juga mestilah mencukupi dan sesuai untuk kegunaan mengangkut dan memindahkan unggas.

#### 6.4 Pengangkut

- a. Pengurus hendaklah memastikan dokumentasi pemindahaan termasuk Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dan Akuan Kebenaran Pindah (AKP) diperolehi seperti yang dinyatakan di dalam APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan Dalam Negeri (No. Dokumentasi: APTVM 22(d):1/2011) untuk setiap pemindahan unggas.
- b. Pengangkut tidak dibenarkan membawa muatan yang melebihi had yang ditetapkan.
- c. Pemunya atau pengendali hendaklah bertanggungjawab dan memastikan najis daripada pengangkut tidak mencemarkan alam sekitar.
- d. Reka bentuk pengangkut yang digunakan untuk pengangkutan unggas perlu mempunyai ciri-ciri yang berikut:
  - i. Melindungi haiwan daripada kecederaan.
  - ii. Lantai tidak licin.
  - iii. Menjamin keselamatan pekerja dan orang awam.
  - iv. Melindungi daripada perubahan suhu yang terlampau.
  - v. Mengelakkan haiwan daripada terlepas.
  - vi. Mudah dicuci dan dibasmi kuman.

- e. Pengangkut haiwan dan fasiliti pemunggahan haruslah direka bentuk, dibina dan diselenggara untuk memastikan keselamatan ternakan serta mengurangkan tekanan, kecederaan, kesakitan, ketidakselesaan dan kematian ternakan sepanjang proses pemindahan yang diluluskan oleh Pihak berkuasa Pengangkutan Jalanraya (JPJ).

#### 6.5 Masa

- a. Masa tangkapan unggas sehingga selesai proses penghantaran hendaklah kurang dari 24 jam.
- b. Waktu perjalanan perlu dirancang supaya cuaca tidak menjadi gangguan kepada kebajikan unggas.

### 7.0 AMALAN SEBELUM PENGANGKUTAN

#### 7.1 Masa Tangkapan Unggas

- a. Tempoh masa tangkapan unggas sebelum pengangkutan mestilah tidak terlalu lama.
- b. Tangkapan unggas disyorkan dibuat pada waktu petang atau malam bagi mengelakkan stres disebabkan keadaan terlalu panas. Tidak disyorkan tangkapan dilakukan pada waktu hujan.
- c. Adalah disyorkan, unggas tidak diberi makan dan minum untuk jangka masa 3-6 jam sebelum dimuatkan dalam bakul dan sangkar untuk diangkut dan dipindahkan bagi tujuan penyembelihan.

#### 7.2 Cara Tangkapan Unggas

- a. Unggas mestilah ditangkap dengan teknik dan cara yang betul serta tidak mendatangkan kecederaan kepada unggas. Unggas tidak boleh ditangkap pada bahagian leher, satu kepak dan ekor.
- b. Unggas perlu ditangkap dan dimuatkan ke dalam bakul, sangkar atau kotak secara berhati-hati bagi mengelakkan kecederaan.

- c. Sekiranya tangkapan dibuat dengan menggunakan peralatan ia hendaklah tidak mendatangkan kecederaan.

#### 7.3 Persediaan pengangkut

- a. Pengangkut mestilah dibersihkan dan dibasmi kuman sebelum digunakan untuk mengangkut unggas.
- b. Dinding dan lantai pengangkut hendaklah berkeadaan baik dan tidak mendedahkan unggas kepada sebarang kecederaan.
- c. Bumbung pengangkut boleh digunakan sekiranya keadaan terlalu panas atau hujan. Namun demikian, pengudaraan di dalam pengangkut mestilah baik.
- d. Ruang di dalam pengangkut mestilah mencukupi dan selamat.
- e. Semasa pengangkut berhenti atau rosak, pemunya atau pengendali perlulah memastikan unggas yang diangkut perlu berada dalam keadaan yang selesa.

#### 7.4 Susunan Bakul, Sangkar dan Kotak di dalam Pengangkut

- a. Bakul, sangkar atau kotak yang berisi unggas ini hendaklah disusun ke dalam pengangkut dengan penuh berhati-hati dan segera.
- b. Bakul, sangkar atau kotak yang berisi unggas hendaklah disusun dengan baik dan tidak menghalang pengudaraan.

### 8.0 AMALAN SEMASA PENGANGKUTAN

#### 8.1 Tempoh dan masa perjalanan

- a. Tempoh perjalanan tidak mengambil masa terlalu lama iaitu tidak melebihi 12 jam termasuk waktu rehat pemandu.
- b. Tempoh masa berhenti hendaklah kurang dari 45 minit bagi mengelakkan unggas mengalami stres.
- c. Masa perjalanan sebaik-baiknya pada waktu petang atau malam kerana suhu persekitaran tidak terlalu tinggi.

- d. Unggas hendaklah dipindahkan dengan segera dan tidak boleh ditinggalkan di dalam pengangkut yang diparkir di bawah cuaca panas atau hujan kecuali disediakan pengudaraan yang mencukupi atau di bawah teduhan yang bersesuaian.

#### 8.2 Kelajuan

- a. Pengangkut hendaklah dipandu dengan cara berhemah dan mengikut had laju yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.
- b. Mematuhi mana-mana perundangan berkaitan dengan pengangkutan di jalanraya yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang terlibat dari masa ke semasa.

#### 8.3 Kecemasan

- a. Jika sekiranya berlaku kecemasan atau kemalangan, pengurus perlu menyediakan pelan kontigensi bagi mengelakkan unggas terdedah kepada kecederaan atau kematian.
- b. Sekiranya unggas perlu dipindahkan ke pengangkut lain disebabkan kerosakan, ia perlu dilakukan kadar yang segera.

### 9.0 AMALAN SELEPAS SAMPAI KE DESTINASI

- 9.1 Bakul, sangkar atau kotak yang berisi unggas perlu dibawa keluar dari kenderaan dengan berhati-hati dan tidak memberi kecederaan kepada unggas.
- 9.2 Bakul, sangkar atau kotak yang berisi unggas hendaklah diletakkan ditempat yang teduh dan mempunyai pengudaraan yang baik.

### 10.0 RUJUKAN

- 10.1 Transport and Care of Poultry
- 10.2 Land Transport of Poultry, Second Edition, Model Code of Practice for the Welfare of Animals
- 10.3 Code of Practice of Poultry in Western Australia
- 10.4 Australian Animal Welfare Standards and Guidelines – Land Transport of Livestock

## Lampiran 1

### PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Non adhesive dressing
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forsep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Swab gauze
14. Penlight
15. Sanitizer
16. Bandage

**Lampiran 2****KEPERLUAN KELUASAN LANTAI BAKUL, SANGKAR ATAU  
KOTAK UNGGAS BERDASARKAN KELAS UNGGAS**

Kelas Unggas	Keluasan minimum ruang bakul/sangkar/kotak unggas
Day-old chick	455 anak ayam /m <sup>2</sup>
Unggas sehingga 1.6kg	40 unggas / m <sup>2</sup>
Unggas 1.6kg– 2.2 kg	36 unggas / m <sup>2</sup>
Unggas 2.2kg – 3.0kg	28 unggas / m <sup>2</sup>
Unggas 3.0kg – 5.0kg	20 unggas / m <sup>2</sup>
Unggas lebih 5.0kg	100 cm <sup>2</sup> / kg

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

## NOTA

## NOTA







**www.dvs.gov.my**